

17/10/2003

Malaysia sesuai pelopori kulliyah perniagaan Islam

KUALA LUMPUR: Malaysia perlu mengambil peluang mempelopori penubuhan kulliyah perniagaan Islam yang dicadangkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi membangunkan nilai murni dan etika perniagaan Islam secara sistematik.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin, berkata pihaknya bersedia membantu kerana sudah memperkenalkan etika perniagaan Islam setahun lalu.

"Jika Malaysia mempelopori usaha untuk mewujudkan kulliyah perniagaan Islam, sudah pasti kita dapat melaksanakannya kerana berpengalaman dan mempunyai infrastruktur yang diperlukan.

"Sebagai sebuah negara membangun, cadangan itu akan lebih menyemarakkan lagi kedatangan rakyat di kalangan negara Islam dunia untuk mendalami etika dan ilmu perniagaan Islam," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Beliau mengulas cadangan Perdana Menteri mengenai penubuhan kulliyah perniagaan Islam yang mempunyai piawaian dan etika tertentu untuk disebar, sama ada ketika menjalankan perniagaan sesama umat Islam atau dengan orang lain.

Dr Mahathir berkata, penubuhan kulliyah seumpama itu bagaimanapun, tidak perlu mengetepikan ilmu perniagaan Barat yang tidak bertentangan syarak.

Antara kolej perniagaan Barat terkemuka yang lepasannya menjadi tumpuan masyarakat perniagaan seluruh dunia ialah Harvard Business School di Amerika Syarikat dan London School of Economics di England.

Muhyiddin berkata, sudah tiba masanya umat Islam mengimbangi tumpuan antara sektor perniagaan berlandaskan Islam dengan ekonomi konvensional.

"Jika ingin maju dalam bidang lain, umat Islam perlu menguasai asas ilmu ekonomi. Contoh terdekat adalah golongan bukan Islam di negara ini yang berjaya dalam hidup kerana berupaya menguasai bidang ekonomi," katanya yang menyokong kuat cadangan itu.